

# 11 INISIATIF SSM 2021

## SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN



### Untuk Membantu Komuniti Perniagaan

- 

**Memperkenalkan Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) yang memberikan pendaftaran PERCUMA kepada :**

  - Usahawan Kumpulan B40
  - Pelajar IPT Sepenuh Masa
- 

**Meneruskan pelaksanaan Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1OKU1P) yang memberikan pendaftaran dan pembaharuan perniagaan PERCUMA kepada OKU**

  - Terhad 1 perniagaan setiap OKU
- 

**Melanjutkan tempoh masa pendaftaran SSM BizTrust secara PERCUMA**

  - Sehingga 31 Disember 2021
- 

**Mengecualikan kompaun atas kelewatan pembaharuan dan kelewatan mendaftar perniagaan**

  - Sehingga 31 Disember 2021
- 

**Mengurangkan kompaun sebanyak 90% daripada nilai asal bagi permohonan pembatalan nama syarikat di bawah Seksyen 549/550 Akta Syarikat 2016**

  - Sehingga 30 Jun 2021
  - Dilanjutkan hingga 31 Disember 2021
- 

**Menaikkan nilai ambang keterhutangan dari RM10,000 kepada RM50,000 secara kekal berkuatkuasa pada 1 April 2021**
- 

**Mengiktiraf semua 20 MATA Continuous Professional Education (CPE) setahun dikumpul melalui latihan secara dalam talian**

  - Bagi tujuan pembaharuan Sijil Amalan Setiausaha Syarikat
  - Bermula 1 Januari 2021
- 

**Mencadangkan pindaan bagi menambahbaik peruntukan-peruntukan di bawah Akta Syarikat 2016 berkaitan mekanisme penyelamat korporat dan skim kompromi atau perkiraan**
- 

**Memperkenalkan peruntukan-peruntukan berkaitan mekanisme penyelamat korporat di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012**
- 

**Memperkenalkan moratorium 30 hari selepas tamat tempoh Total Lockdown bagi serah simpan dokumen berkanun di bawah Akta Syarikat 2016 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012**

  - Fi lewat serah simpan dikecualikan
- 

**Melanjutkan masa 90 HARI bagi syarikat dengan tahun kewangan berakhir 1 Nov 2020 hingga 31 Jan 2021 bagi :**

  - Mengedarkan penyata kewangan
  - Mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM)
  - Menyerah simpan penyata kewangan
  - RM100 fi permohonan lanjutan masa DIKECUALIKAN